SURAT AKUAN KEBENARAN POTONGAN GAJI PEMBELI/PEMINJAM

1. PERAKUAN PEMBELI / PEMINJAM

Saya dengan ini bersetuju supaya gaji saya dipotong untuk dibayar kepada (nama organisasi) _____ bagi bayaran seperti ternyata di Bahagian Tiga (3) dalam surat kebenaran ini dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan oleh organisasi dari semasa ke semasa. Potongan ini akan dibuat kepada I Destinasi Sdn. Bhd. (IDSB) yang bertanggungjawab mengendalikan pengutipan potongan gaji.

Persetujuan saya ini juga adalah keizinan saya yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis mengenai potongan gaji dan/atau buruh terpakai dan keizinan ini termasuk memberi kuasa kepada majikan saya untuk mengubah dan/atau meminda potongan gaji ini selaras dengan undang-undang bertulis.

Persetujuan ini laku sehingga kebenaran ini saya tarik balik secara bertulis dan pembatalan potongan ini akan dilaksanakan setelah disahkan oleh organisasi bahawa saya adalah bebas dari sebarang hutang atau tunggakan ansuran pinjaman dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan. Saya maklum bahawa urusan potongan gaji ini ialah suatu kemudahan membayar dan saya masih bertanggungjawab terhadap bayaran-bayaran yang tidak dijelaskan kepada organisasi tersebut.

Saya juga membenarkan pihak organisasi atau majikan menyemak maklumat potongan gaji dan maklumat lain saya. Sebagai balasan bagi yang tersebut di atas, saya dengan ini menyelamatkan Kerajaan Malaysia dan IDSB dari kerugian dan saya tidak akan membuat tuntutan terhadap mereka, tidak akan menuntut daripada mereka, atau tidak akan mendakwa mereka, di atas apa-apa kerugian yang mungkin berlaku selepas apa-apa jumlah telah dipotong dari gaji saya dan dihantar kepada IDSB atas permintaan saya.

Saya dengan ini mengizinkan IDSB mengenakan caj proses dan penyediaan potongan gaji sebanyak 2% daripada jumlah potongan gaji bulanan saya sehingga tamat bayaran / penyelesaian pembiayaan sepertimana yang terdapat di dalam perjanjian pembiayaan.

Saya mengakui telah membaca dan memahami implikasi surat kebenaran ini dan semua pekeliling, arahan dan aturan-aturan yang mengawalselia urusan potongan gaji ini yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan IDSB dari masa ke semasa. Ungkapan "organisasi" termasuk koperasi.

Tandatangan
Nama Penuh
No. Kad Pengenalan / No. Tentera / No. Polis
Tarikh

DIPENUHI OLEH SAKSI

Tandatangan
Nama Penuh
No. Kad Pengenalan
Tarikh

No. Gaji / Pekerja / Personel
Jawatan
Nama / Alamat Majikan

No. Telefon
Nama Bank / No. Akaun

2. PENGESAHAN UNIT GAJI / BAHAGIAN KEWANGAN / BAHAGIAN PENTADBIRAN

Adalah dengan ini disahkan bahawa butir-butir yang ternyata di atas diakui betul dan penama berkenaan berkhidmat di jabatan / sekolah ini.

Cop Rasmi Majikan

Tandatangan
Nama Penuh
Jawatan Pegawai
Tarikh

3. UNTUK KEGUNAAN ORGANISASI SAHAJA

Kod Potongan	Tarikh Mula		Tarikh Akhir		Amaun Pokok	Amaun Faedah
	Bulan	Tahun	Bulan	Tahun		

Jumlah Hash (Amaun Pokok + Amaun Faedah)

Disediakan oleh:
Nama

Tandatangan
Tarikh

COP ORGANISASI